

STPM Kertas 1 2018:

Soalan 1

- (a) Jelaskan secara ringkas dua jenis kesilapan yang akan menjelaskan keseimbangan imbalan duga dan dua jenis kesilapan yang tidak menjelaskan keseimbangan imbalan duga.

(4 markah)

- (b) Tempoh perakaunan bagi Firma Perundingan Gemilang berakhir pada setiap 30 Jun. Baki akaun belum terlaras bagi Firma Perundingan Gemilang pada 30 Jun 2017 adalah seperti yang berikut:

Akaun	Amaun (RM)
Bank	63,300
Akaun belum terima	22,300
Bekalan pejabat	30,300
Sewa terdahulu	20,000
Insurans terdahulu	16,000
Kelengkapan dan peralatan pejabat	190,000
Susut nilai terkumpul kelengkapan dan peralatan pejabat	28,500
Akaun belum bayar	19,500
Hasil belum terperoleh	18,000
Modal	130,000
Ambilan	15,000
Hasil perkhidmatan	232,500
Belanja gaji	61,830
Belanja utiliti	6,800
Belanja am	570

Setelah semakan dilakukan terhadap baki akaun pada akhir tempoh perakaunan, perkara berikut telah ditemui:

- (1) Peruntukan hutang rugu sebanyak RM110 telah diwujudkan.
- (2) Bekalan pejabat di tangan pada 30 Jun 2017 ialah RM15,200.
- (3) Belanja sewa untuk suku keempat bagi tahun berakhir 30 Jun 2017 belum direkodkan lagi. Kadar sewa adalah sebanyak RM3,000 sebulan.
- (4) Insurans terdahulu terdiri daripada premium yang dibeli pada 1 Februari 2017 untuk tempoh setahun.
- (5) Kelengkapan dan peralatan pejabat dianggarkan mempunyai tempoh usia guna selama 10 tahun, tiada nilai sisa pada akhir tempoh usia guna, dan firma menggunakan kaedah susut nilai garis lurus.
- (6) Belian bekalan pejabat secara tunai bernilai RM1,600 daripada AC Komputer Aksesori dalam bulan Jun 2017 telah dikreditkan ke dalam akaun belum bayar.

- (7) Tiada catatan yang dibuat dalam buku akaun untuk penerimaan faedah bank sebanyak RM750 dan bayaran perkhidmatan bank sebanyak RM1,300.
- (8) Pada 30 Jun 2017 sebanyak 40% daripada hasil belum terperoleh telah diiktiraf.
- (9) Invois bagi belanja am bernilai RM750 telah direkodkan ke dalam akaun belanja am dan akaun tunai sebagai RM570.
- (10) Jumlah hasil perkhidmatan adalah termasuk perkhidmatan yang belum disempurnakan lagi yang bernilai RM8,800. Perkhidmatan ini dijangka dapat diselesaikan pada Ogos 2017.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal bagi setiap perkara di atas. (10 markah)
- (ii) Sediakan penyata pendapatan komprehensif Firma Perundingan Gemilang bagi tahun berakhir 30 Jun 2017. , (6 markah)